**Latihan Bahasa Malaysia (tatabahasa)**

**Nama :**
**Tingkatan :**

**TATABAHASA**
**(Ayat Normal dan Ayat Songsang)**

**Tukar ayat biasa di bawah ini kepada ayat songsang tanpa mengubah maksud asalnya.**

1. Bilangan pendatang asing ke negara kita semakin meningkat dari setahun ke setahun.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

2. Murid yang cacat pendengaran itu gigih sungguh mengulang kaji pelajaran.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

3. Ayah masih belum pulang dari pejabat walaupun sudah pukul 9.00 malam.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

4. Kanak-kanak itu berkejar-kejaran di halaman rumah dengan riang.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

5. Beberapa orang murid sedang berbincang tentang tajuk karangan di dalam perpustakaan.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

6. Ramli dan Razali akan menyaksikan perlawanan bola sepak di padang sekolah pada petang nanti.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

7. Shamugam terpaksa menangguhkan hasratnya untuk ke Bali kerana ibunya telah meninggal dunia pagi tadi.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

8. Peningkatan kadar kemalangan jalan raya di negara ini kian ketara kerana penguatkuasaan undang-undang yang kurang tegas.

____________________________________

____________________________________

____________________________________

9. Amalan pemakanan yang seimbang dan gaya hidup yang sihat adalah penting untuk menghindari penyakit kronik.

10. Para pelajar itu amat rajin membuat latihan Bahasa Melayu.

**Tukarkan ayat songsang di bawah ini kepada ayat biasa tanpa mengubah maksud asalnya.**

1. Tidur bertilamkan  simenlah pengemis-pengemis itu.

2. Telah menelan ubatlah pesakit yang berbadan gemuk itu.

3. Sedang melayan pengunjung restorannya lelaki berbangsa India itu.

4. Kawan yang amat rapat dengan saya dialah.

5. Akhirnya siap juga projek pembangunan pasar raya yang terbengkalai itu.

6. Diharunginya dengan sabar dan tawakal saat-saat genting dalam hidup.

7. Tetap menghantar anak-anaknya ke kelas tuisyen walaupun berpendapatan kecil Encik Basiran.

8. Benar belaka semua khabar angin tentang salah laku tokoh politik itu.

9. Merancang perbelanjaan untuk mengelakkan pembaziran ketika berbelanja Puan Salmah.

10. Sedang bermain bola di padang yang luas itu mereka.




**Ruang Nota**

**Latihan Tamat**
**Selamat Maju Jaya**
**Cikgu Norhairie Nordin**